

08/10/1997

Badan khas menabung ditubuh

SHAH ALAM, Selasa - Kerajaan Selangor menubuhkan Jawatankuasa Tetap Menabung Peringkat Negeri sebagai kesinambungan program kempen menabung peringkat negeri yang dilancarkan, semalam.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar berkata, jawatankuasa itu akan dipengerusikan oleh seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco).

Beliau berkata, jawatankuasa itu ditubuhkan bagi memastikan kempen menabung peringkat negeri yang dilancarkan berjaya menanamkan budaya menabung di kalangan rakyat sehingga ke peringkat akar umbi.

"Jawatankuasa ini juga ditugaskan untuk menilai prestasi program kempen menabung itu setiap tahun dan menyediakan pelbagai kemudahan serta kegiatan untuk memberi penerangan mengenai kebaikan menabung demi kesejahteraan masa depan negara," katanya di sini.

Menurutnya, dengan menetapkan sasaran kempen menabung kepada pelajar sekolah, pekerja industri dan suri rumah, kerajaan negeri percaya budaya menabung akan sehati dengan jiwa mereka.

Beliau berkata, kempen menabung peringkat negeri yang dilancarkan itu bertepatan dan bersesuaian dengan kempen inflasi sifar di samping menyahut saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melancarkan Kempen Menabung Peringkat Kebangsaan pada Disember lalu.

Katanya, matlamat utama kempen ialah menyemai dan mewujudkan budaya menabung secara lebih berkesan di kalangan rakyat.

"Penyimpanan yang lebih selamat, terancang serta memberikan pulangan yang lebih harus dilaksanakan dari peringkat seawal bayi hingga ke peringkat dewasa.

"Pengalaman negara maju seperti Jepun, yang membudayakan rakyatnya dengan sikap menabung membolehkan negara itu mengeksport modal ke negara-negara lain sama ada dalam bentuk pelaburan, pinjaman atau lain-lain bentuk instrumen kewangan," katanya.

Terdahulu beliau berkata, jumlah tabungan di Selangor meliputi deposit permintaan, deposit tetap dan akaun simpanan berjumlah RM27.67 bilion pada 1995, meningkat kepada RM37.24 bilion tahun lalu.

"Pecahan mengikut simpanan individu pula berjumlah RM13.602 bilion pada 1995 meningkat kepada RM18.352 bilion tahun lalu," katanya.

(END)